



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM *BE GREEN* DAN PELAKSANAAN PROGRAM *WATER FOR LIFE*



Pada 19 Oktober 2019, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan Majlis Pelancaran Program *Be Green* dan Pelaksanaan *Water For Life* di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Hulu Langat. Majlis ini dianjurkan oleh Petronas Chemicals Group Berhad (PCG) dan Yayasan PETRONAS.

Turut hadir bersama adalah Ir Dr Zaini Ujang, Lembaga Pengarah Yayasan Petronas; Sazali Salleh, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Chemical; Dr. Ir Azmi bin Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Selain daripada itu, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia turut bersama-sama menjayakan majlis ini.



Majlis ini diadakan adalah untuk mendidik komuniti tentang cara pengurusan sampah dengan baik dan menjaga kebersihan berdasarkan pendidikan *Reduce*, *Reuse* dan *Recycle* (3R) serta turut meningkatkan kesedaran komuniti tentang penjagaan sungai dengan baik. Dianggarkan seramai 500 orang peserta telah menghadiri majlis ini.

Pada masa yang sama YB Puan Hajah Zuraida menjelaskan bahawa Kerajaan akan memperkenalkan syarat baru terhadap syarikat luar yang mahu mengeksport plastik ke negara ini menjelang tahun 2020. Inisiatif ini dilakukan agar syarikat luar akan lebih bertanggungjawab dan mereka tidak menyalahgunakan fasiliti import yang diberi kerajaan. Beliau juga memaklumkan industri sisa plastik berjaya menjana pendapatan sehingga RM 30 Bilion.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat